



## FAQ Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel

---

### 1) Apa itu Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel?

Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel adalah pakej khas khusus bagi penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) dan penduduk Perumahan Awam (PA). Menerusi pakej ini warga PPR/ PA dapat menikmati akses Internet Jalur Lebar Tetap dengan harga lebih rendah berbanding harga pasaran semasa. Inisiatif ini juga turut dijayakan dengan kerjasama strategik Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat dari syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat iaitu Time dotCom.

### 2) Apakah tawaran bagi Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel?

Pengguna boleh menikmati perkhidmatan internet dengan kelajuan 100Mbps, data tanpa had (*unlimited*), pada harga lebih murah iaitu RM69 sebulan dengan kontrak selama 24 bulan.

### 3) Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel?

Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel boleh dilanggan oleh penduduk di bangunan-bangunan PPR/ PA seperti berikut:

BIL	NEGERI	PPR/ PA
1	Selangor	PPR Kampung Baru HICOM

BIL	NEGERI	PPR/ PA
2		PPR Kota Damansara
3		PPR Lembah Subang 2
4		PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1)
5	W.P. Kuala Lumpur	PPR Kerinchi
6		PA Desa Rejang
7	Johor	PPR Melana Indah 2
8	Penang	PPR Kampung Melayu

Pakej Perpaduan PPR/PA @MyKabel akan terus diperluaskan secara berperingkat. Untuk semakan, [klik di sini](#) dan buat carian menggunakan alamat/ nama bangunan tempat tinggal anda.

**4) Dimanakah pengguna boleh mendaftar Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel?**

Bagi pelanggan baru, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang Time atau melalui Sales Ninjas pihak Time.

Bagi pelanggan sedia ada, hanya perlu log masuk ke [Self Care](#) dan merujuk *pop-up* yang menawarkan promosi Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel sekiranya tersedia di PPR/ PA bagi langganan semasa anda.

**5) Berapakah had langganan Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel yang boleh saya langgani?**

Hanya 1 sahaja Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel yang dibenarkan bagi setiap unit rumah di PPR/PA.

**6) Apakah dokumen yang diperlukan bagi pendaftaran Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel ini?**

Dokumen yang diperlukan untuk pengesahan adalah salinan depan dan belakang kad pengenalan yang perlu dimuatnaik ke portal langganan Time ketika proses langganan/ permohonan.

**7) Bilakah Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel akan mula ditawarkan?**

Pakej ini mula ditawarkan pada 1 Mac 2023 sehingga 31 Disember 2023.

**8) Saya ialah pelanggan jalur lebar tetap sedia ada dengan Time dotCom dan menduduki PPR/ PA. Adakah saya boleh bertukar daripada pakej semasa kepada Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel?**

Ya, Bagi pelanggan sedia ada Time yang berada di PPR/ PA, permohonan boleh dibuat dengan melayari laman sesawang Time atau melalui Sales Ninjas pihak Time.

---

**Nota:**

- 1) FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel Time. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk FAQ Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel di laman sesawang Time.
- 2) Dimaklumkan bahawa penawaran Pakej Perpaduan PPR/ PA @MyKabel adalah tertakluk kepada kesediaan infrastruktur Time di PPR/ PA.